

**Oleh Presiden
Henry B. Eyring**
Penasihat Pertama dalam
Presidensi Utama



Pelayanan dan Kehidupan Kekal

Juruselamat ialah teladan tentang pelayanan yang tidak mementingkan diri sendiri. Hidup-Nya yang sempurna diabdikan untuk melayani Bapa Syurgawi dan semua anak-anak Bapa-Nya. Tujuan bersatu Bapa dan Putera-Nya adalah untuk memberikan kita kurnia kebaqaan dan berkat kehidupan kekal (lihat Musa 1:39).

Untuk menjadi layak demi kehidupan kekal, kita mesti diubah melalui Penebusan Yesus Kristus—dilahir semula dan disucikan dari dosa. Kanak-kanak yang berusia di bawah lapan tahun, tidak berdosa dan ditebus melalui Penebusan (lihat Mosia 3:16,21; Moroni 8:10–12).

Bagi kita yang sudah mencapai usia pertanggungjawaban, adanya satu rancangan yang baik yang membenarkan kita untuk menjadi suci dari dosa dan bersedia demi kehidupan kekal. Persediaan itu bermula dengan pembaptisan oleh wewenang imamat dan penerimaan Roh Kudus. Kemudian kita mesti selalu mengingati Juruselamat dan mematuhi perintah-perintah yang sudah Dia berikan kita.

Raja Benyamin memberitahu rakyatnya dalam Kitab Mormon tentang kebahagiaan yang datang dari perasaan pengampunan dari dosa melalui Penebusan Yesus Kristus. Kemudian dia mengajar mereka untuk mengekalkan pengampunan dosa mereka, mereka harus

mengajar anak-anak mereka untuk melayan satu sama lain dan mereka harus bermurah hati untuk menolong orang yang berkeperluan jasmani dan berkeperluan rohani di sekeliling mereka. (Lihat Mosia 4:11–16.)

Dia juga ajar, “Dan lihatlah, aku memberitahu kamu hal-hal ini agar kamu boleh belajar kebijaksanaan; agar kamu boleh belajar bahawa apabila kamu berada dalam pelayanan sesamamu, kamu semata-mata dalam pelayanan Tuhanmu” (Mosia 2:17).

Yesus pergi ke merata tempat untuk mengajarkan injil-Nya dan berbuat baik (lihat Kisah Rasul-rasul 10:38). Dia sembuhkan orang yang sakit. Dia bangkitkan orang yang sudah mati. Dengan kuasa-Nya, Dia memberi makanan kepada beribu-ribu orang bila mereka lapar dan tanpa makanan (lihat Matius 14:14–21; Yohanes 6:2–13). Selepas kebangkitan-Nya, Dia berikan makanan kepada beberapa orang Rasul-Nya bila mereka sampai ke pantai Laut Galilee (lihat Yohanes 21:12–13). Pada benua Amerika, Dia sembuhkan orang yang sakit dan berkatkan kanak-kanak satu demi satu (lihat 3 Nefi 17:7–9, 21).

Rasul Yakobus mengajar kita bagaimana hasrat untuk melayan datang dari kesyukuran demi perkara yang sudah Tuhan lakukan bagi kita:

“Berita Baik itu hukum Tuhan yang sempurna dan dapat membebaskan manusia. Seseorang yang

mendalami hukum itu dan melakukannya, akan diberkati Tuhan dalam segala perkara yang dilakukannya, kerana dia tidak hanya mendengar lalu melupakannya. . . .

“Menurut Tuhan Bapa, inilah ibadat yang murni dan sejati: menolong anak yatim piatu dan balu yang mengalami penderitaan, serta menjaga diri supaya tidak dicemari kejahatan di dunia ini”(Yakobus 1:25, 27).

Salah satu jaminan bahawa kamu disucikan ialah hasrat untuk melayan orang lain bagi Juruselamat akan meningkat. Pengajaran keluarga dan pengajaran ber-kunjung menjadi satu kebahagiaan dan bukan satu tugas. Kamu akan lebih bersukarela di sekolah atau menolong orang yang miskin dalam komuniti kamu. Walaupun kamu tidak ada banyak harta untuk dibagikan kepada orang yang lebih miskin, kamu hendak memiliki lebih banyak supaya kamu boleh memberi sumbangan yang lebih besar (lihat Mosia 4:24). Kamu ingin sekali melayan anak-anak kamu dan tunjuk kepada mereka cara untuk melayan orang lain.

Semasa sifat kamu berubah, kamu akan berasa satu hasrat untuk berikan pelayanan yang lebih besar tanpa tanda penghargaan. Saya mengenali pengikut-pengikut Kristus yang sudah berikan duit dan pelayanan dengan satu tekad untuk tidak diketahui orang kecuali Tuhan dan anak-anak mereka. Tuhan sudah mengenali pelayanan mereka dengan memberkat mereka dalam kehidupan ini, dan Dia akan memberkat mereka dalam kehidupan kekal yang akan datang (lihat Matius 6:1–4; 3 Nefi 13:1–4).

Bila kamu mematuhi perintah untuk melayan orang lain (lihat Matius 22:39), kamu mengalami satu perubahan dalam perasaan kebanggaan kamu. Juruselamat membetulkan para Rasul-Nya bila mereka beradu tentang sesiapa yang lebih baik dalam kalangan mereka. Dia berfirman:

“Janganlah minta orang menyebut kamu ‘Pemimpin’, kerana Penyelamat yang diutus oleh Tuhan itu satu-satunya pemimpin kamu.

“Orang yang terbesar antara kamu harus menjadi pelayan kamu” (Matius 23:10–11).

Juruselamat mengajar kita cara kita boleh belajar untuk melayan orang lain. Dia melayan dengan sempurna, dan kita mesti belajar untuk melayan seperti Dia—kasih kurnia demi kasih kurnia (lihat A&P 93:12–13). Melalui

pelayanan yang kita beri, kita boleh menjadi seperti Dia. Kita akan berdoa dengan sedaya upaya untuk menyayangi musuh-musuh kita seperti Dia menyayangi mereka (lihat Matius 5:43–44; Moroni 7:48). Selepas itu mungkin kita berlayak untuk mendapat kehidupan kekal bersama Dia dan Bapa Syurgawi kita.

Saya janji bahawa kita boleh melayan dengan lebih sempurna bila kita mengikut ajaran dan teladan Juruselamat.

MENGAJAR DARI PESANAN INI

Elder M. Russell Ballard dari Kuorum Dua Belas Rasul menggalak kita untuk berdoa demi peluang untuk melayan: “Dalam doa pagi kamu setiap hari, minta Bapa Syurgawi untuk membimbing kamu untuk mengenali satu peluang untuk melayan salah seorang anak-anak-Nya yang berharga. Kemudian pergilah . . . dan carikan seseorang untuk melayan” (“Be Anxiously Engaged,” *Ensign* atau *Liahona*, Nov. 2012,31). Bertimbang untuk menjemput orang yang kamu ajar untuk menetapkan satu matlamat untuk berdoa setiap pagi demi peluang untuk melayan dan kemudian carikan peluang itu sepanjang hari.

REMAJA

Satu Jawapan bagi Doanya

Oleh Siphilile Khumalo

Pada suatu malam, seorang rakan yang beragama lain mengunjungi saya. Biasanya saya mengaji kitab suci bersendirian, dan saya sudah sedia mengaji pada malam itu. saya ditekan untuk menjemput dia untuk menyertai pengajian saya, tetapi saya takut dan mula mengaji secara bersendirian. Saya tahu bahawa saya tidak mempedulikan tekanan Roh. Selepas beberapa minit saya menanya dengan berhati-hati, “Inginkah kamu mengaji kitab suci bersama saya?” Tanpa teragak-agak, rakan saya membalas, “Ya.”

Kami mengaji Kitab Mormon. Dia menanya saya beberapa soalan, dan saya boleh rasa Roh membimbing saya bila saya menjawab. Saya memberi kesaksian tentang kebenaran Kitab Mormon. Selepas itu, dia beritahu saya, “Saya sudah menangis dan berasa takut sepanjang hari ini. Saya baru sudah doa kepada

Tuhan untuk menolong saya bila kamu menjemput saya mengaji kitab suci bersama kamu. Saya berasa lebih tenang hati sekarang. Terima kasih.”

Tuhan gunakan saya sebagai satu alat untuk menjawab satu doa dan melayan seorang anak-Nya yang berkeperluan. Saya tahu bahawa tekanan roh ialah arahan ilahi dari seorang Bapa yang bijaksana dan mulia. Bila kita lupakan perasaan takut kita, kita membenarkan Dia untuk menyatakan kuasa-Nya melalui kepatuhan kita.

Pengarang ini tinggal di Gauteng, South Africa.

KANAK-KANAK

Mencarikan Cara untuk Melayan

Kamu boleh pilih untuk mengikut Yesus Kristus dan melayan orang lain. Lukiskan satu gambar di mana kamu melayan seorang ahli keluarga atau rakan dan letakkan gambar itu pada satu tempat di mana ia boleh memperingatkan kamu untuk berkelakuan baik hati setiap hari.

© 2014 oleh Intellectual Reserve, Inc. Semua hak terpelihara. Dicetak di USA. Kelulusan Bahasa Inggeris: 6/13. Kelulusan penterjemahan: 6/13. Penterjemahan *First Presidency Message, March 2014*. Malay. 10863 348



Misi Ilahi Yesus Kristus: Cahaya Dunia Ini

Kajikan bahan bacaan ini dengan berdoa dan carikan perkara yang harus dikongsikan. Bagaimana pemahaman tentang hidup dan misi Juruselamat boleh meningkatkan iman kepada Dia dan boleh memberkat mereka yang anda jaga melalui pengajaran berkunjung? Untuk maklumat lebih lanjut, layari www.reliefsociety.lds.org.

Ini sebahagian dalam satu siri Pesanan Pengajaran Berkunjung yang memberi keutamaan kepada aspek misi Juruselamat.

Bila kita faham bahawa Yesus Kristus ialah Cahaya Dunia ini, kita akan meningkatkan iman kita kepada Dia dan menjadi cahaya untuk orang lain. Kristus memberi kesaksian tentang peranan-Nya sebagai “terang sejati yang menerangi setiap orang yang datang ke dunia” (A&P 93:2) dan menuruh kita untuk “angkatlah cahaya-[Nya] agar ia dapat bersinar ke dunia” (3 Nefi 18:24).

Nabi-nabi kita juga bersaksi tentang Cahaya Kristus. Presiden Henry B. Eyring, Penasihat Pertama dalam Presidensi Utama berkata: “Setiap kali kamu pilih untuk cuba berkelakuan seperti Juruselamat, kamu akan memperkuat kesaksian kamu. Kamu akan mengenali bahawa Dia ialah Cahaya Dunia ini. . . . Kamu akan membayangkan Cahaya Kristus dalam kehidupan kamu.”¹

Elder Quentin L. Cook dari Kuorum Dua Belas Rasul berkata tentang kita sebagai cahaya kepada

dunia ini: “Kita perlu melindungi keluarga kita dan bergabung bersama orang yang muhibah dengan sedaya upaya untuk menjaga cahaya, harapan, dan moraliti komuniti kita.”²

Dari Tulisan Suci

Yohanes 8:12;
Ajaran dan Perjanjian 50:24; 115:5

Dari Sejarah Kita

Para wanita Orang suci Zaman Akhir terus mengangkat cahaya mereka pada hari ini.

Pada tingkat ke 80 dalam satu bangunan tinggi di Hong Kong, Negeri Cina, seorang saudari yang bujang yang menderita kecacatan jasmani—hanya dialah Orang Suci Zaman Akhir dalam keluarganya—mendirikan satu tempat perlindungan di mana dia dan para pengunjungnya boleh berasa pengaruh Roh. Dia letakkan kitab suci, buku manual Lembaga Pertolongan, dan buku lagu rohaninya berdekatan. Dia pergi ke bait suci untuk melaksanakan tatacara-tatacara bagi nenek moyangnya.³

Di Brazil, seorang ibu yang soleh membesarkan anak-anaknya dalam

cahaya injil. Lagu-lagu rohani bermain dalam rumah batu-bata merahnya, dan gambar bait-bait suci, nabi-nabi, dan Juruselamat dari *Liahona* digantung dinding ke dinding. Dia dan suaminya berkorban untuk dimeterai dalam bait suci supaya anak-anak mereka boleh dilahirkan dalam perjanjian. Dia berdoa dengan berterusan supaya Tuhan boleh menolong dia untuk membesarkan anak-anaknya dalam cahaya, kebenaran, dan kekuatan injil.⁴

NOTA

1. Henry B. Eyring, “A Living Testimony,” *Ensign* atau *Liahona*, Mei 2011, 128.
2. Quentin L. Cook, “Let There Be Light!” *Ensign* atau *Liahona*, Nov. 2010, 30.
3. Lihat *Daughters in My Kingdom: The History and Work of Relief Society* (2011), 163–64.
4. Lihat *Daughters in My Kingdom*, 164.

Apa yang Dapat Saya Lakukan?

1. Berbincang tentang erti menjadi cahaya kepada dunia hari ini.
2. Merenung tentang bagaimana mengikut cahaya Kristus boleh menolong kamu untuk menahan cubaan.